



## Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian literasi Bahasa Melayu murid tahun 4 dalam kemahiran menulis

Chew Fong Peng<sup>1</sup>, Dewih Haris<sup>2</sup>  
<sup>1,2</sup>University Of Malaya

### Article Info

**Received:**  
14 February 2020

**Accepted:**  
16 March 2020

**Publish**  
06 April 2020

#### **E-mail address:**

\*corresponding Author:  
\*fpchew@um.edu.my  
pqq180008@um.edu.my

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Kajian ini berfokuskan kepada tahap pencapaian literasi murid dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian menulis. Kajian ini dijalankan ke atas 90 orang murid yang terdiri daripada murid-murid Tahun 4 di tiga jenis sekolah kebangsaan di Ipoh, Perak. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan set ujian. Hasil dapatan kajian menunjukkan murid tahun empat menguasai kemahiran literasi menulis berdasarkan ujian yang diberikan. Konstruk yang paling dikuasai oleh murid tahun empat ialah literasi menulis vokal bergabung. Namun begitu, soal selidik menunjukkan tahap penguasaan literasi murid berada pada tahap yang sederhana. Soal selidik berkaitan dengan faktor sikap murid, ibu bapa dan guru turut berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian literasi murid dengan jenis sekolah.*

**Keyword:** Literasi, kemahiran menulis, murid tahun 4, faktor-faktor.

### Pengenalan

Literasi secara umumnya adalah kemampuan individu memahami informasi membaca dan menulis. Menurut M.M. Clay (1967), penampilan literasi bermaksud membina kemahiran kanak-kanak membaca dan menulis tanpa titik permulaan terbina secara serentak dan saling bergantung tanpa turutan tertentu.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia, program Literasi dimulakan pada awal bulan Mei 2012 untuk mengurangkan kadar murid daripada tidak kenal huruf dan juga tidak mahir membaca. Literasi di sekolah rendah diperkenalkan pada Jun 2013 bagi murid-murid tahun 1. Menjelang tahun 2014, literasi diperkenalkan kepada murid-murid tahun 2 dan 3 yang belum menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan dan juga mengarahkan guru-guru untuk menggunakan modul-modul untuk tahap murid-murid tersebut. Dengan bantuan dan sokongan modul tersebut, guru-guru dapat menilai literasi seseorang murid. Selepas menilai literasi murid, guru Bahasa Melayu dapat memperbaiki lagi tahap pembacaan dan penulisan. Bukan setakat itu sahaja, literasi ini diteruskan juga kepada murid-murid tahun 4 yang belum menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atas nama PROTIM iaitu program pembangunan yang dilaksanakan ke atas murid tahun 4, 5 dan 6 di setiap sekolah ke atas murid-murid yang menghadapi masalah penguasaan asas membaca atau lebih dikenali dengan masalah 3M. Program PROTIM ini diperkenalkan kepada murid yang lemah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Program ini telah diberhentikan pada tahun 2015 dan digantikan dengan LINUS (Program Literasi dan Numerasi).

## **Kajian Literatur**

Penulisan merujuk kepada kegiatan menulis. Menulis merupakan lambang-lambang bunyi bahasa yang dilahirkan dalam bentuk grafik bagi melahirkan fikiran, idea, dan perasaan serta proses memindahkan lambang-lambang bunyi untuk dijadikan alat komunikasi (Hj Daud & Muhiyuddin, 2011). Menulis dikaitkan dengan proses penyaluran ilmu, idea ataupun maklumat secara bersistem iaitu mengambil kira aspek tujuan menulis, penggunaan bahasa, audiens dan gaya penulisan supaya dapat menggambarkan keadaan, alam dan kehidupan secara lebih menyeluruh (Suppiah 2017; Yahya, 2005).

Menulis merupakan satu proses untuk menyampaikan buah fikiran, idea dan pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca (Tuan Jah dan Faridah, 2011). Penulisan membabitkan penggunaan buah fikiran, imaginasi, organisasi, olahan, sintesis, analisis, penerangan, huraian, dan penilaian yang melibatkan kemahiran berfikir dan perkembangan minda kreatif (Lai, 2017).

Kemahiran menulis amat penting untuk dikuasai untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti. Kajian Abdul Rasid (2011) menyatakan kemampuan menulis merupakan proses penyampaian maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, pembaca dan gaya penulisan. Raimes (1983) dan White (1987) menjelaskan bahawa pembelajaran menulis bukan sesuatu yang semula jadi seperti kemahiran bertutur. Kemahiran menulis termasuk menulis karangan adalah kemahiran yang sukar dan hanya dikuasai melalui pengajaran dan pembelajaran (Juriah, Rarninah dan Sofiah, 1992). Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai oleh murid (Nik Safiah 2004) kerana penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple et al. dlm. Roselan 2003).

Murid-murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan. Kajian lapangan yang dijalankan oleh Ismail Muhamad et. al. (2013) dalam program j-QAF secara empirikal menunjukkan keputusan ujian bahasa mengikut tahap adalah 74.21 % pelajar berada pada tahap sederhana bagi komponen menulis. Yusnidar (2016) menyatakan bahawa seseorang penulis mampu menggabungkan berbagai komponen yang saling berhubungan dalam kegiatan menulis. Menurut pakar neurologi Eric H Lennenberg (2000), sebelum mencapai usia baligh, otak kanak-kanak memang mudah dilentur. Dalam usia ini, otak mereka mudah menerima informasi kerana proses penyerapan informasi mampu berlangsung dengan lancar. Menurut kajian beliau, tempoh terbaik untuk mengajar kanak-kanak untuk menguasai sesuatu kemahiran adalah daripada usia enam hingga lima belas tahun. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kanak-kanak yang didedahkan dengan stimuli yang rencam khususnya bahan bacaan dan penulisan yang menarik sebelum usia 15 tahun, mampu menguasai sesuatu kemahiran sama seperti orang dewasa.

Menurut Muhammad Fadhil & Norul Haida (2013), pengajaran bermaksud perihal mengajar atau segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar serta ia tidak akan berjaya dan berhasil jika tiada respon atau penglibatan murid. Pengajaran ini adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti dalam rekod rancangan pengajaran harian untuk dilaksanakan dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan (Mok, 2010). Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang berkemungkinan terjadinya proses belajar (Muhammad Fadhil et.al, 2013; Noor Hisham, 2011; Noraini & Shuki, 2009).

Kajian yang dilakukan oleh Thut dan Gerberich (Jioanna Carjuzza et al., 2013) menekankan kebaikan memahami gaya pembelajaran murid-murid. Mereka berpandangan bahawa guru tidak seharusnya hanya menggunakan satu kaedah pengajaran sahaja. Guru perlu menangani secara bijak segala masalah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kerana kepelbagaian penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digabungjalinkan dapat memaksimumkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam semua aspek, setiap masa dan sesuai dengan semua murid.

Pembelajaran sebenar terjadi apabila guru dan murid berinteraksi secara aktif di dalam bilik darjah. Kenyataan pengkaji seiring dengan pandangan Silberman (2009) yang berpegang kepada perkembangan model pembelajaran aktif ajaran Konfusius di China lebih dari 2400 tahun yang lalu, setiap kegiatan murid dalam pembelajaran akan melibatkan apa yang didengar akan dilupakan; apa yang dilihat akan diingati sedikit; namun jika kita mendengar, melihat dan bertanya soalan atau berbincang dengan orang lain, kita akan mula faham; apa yang didengar, dilihat, berbincang, dan melakukan, kita akan memperolehi pengetahuan dan kemahiran; apa yang diajar kepada orang lain akan dikuasai.

Kajian Tyner (2012) berkaitan pula dengan latar belakang sosial penjaga, pekerjaan, pendapatan dan taraf pendidikan keluarga, mencadangkan model instruksional yang berbeza diaplikasi dengan berkesan kepada kumpulan kecil murid yang tidak tahu membaca di beberapa sekolah yang berbeza di sekitar Amerika Syarikat. Selain itu, beberapa pengkaji lain turut menggunakan kaedah pengajaran berbeza dalam membantu golongan remaja yang mempunyai risiko seperti tiada tempat tinggal, miskin, remaja mangsa penderaan dan remaja yang mempunyai keluarga yang bermasalah dan mereka ini menghadapi kesukaran dalam pembelajaran dan juga kanak-kanak pendidikan khas dengan masalah pembelajaran dalam usaha meningkatkan keupayaan kemahiran membaca dan menulis pada peringkat tahun 5 ke bawah (Gould & Gould, 2003).

Kemahiran membaca dan menulis merupakan aspek penting dalam literasi bahasa. Namun, kajian mendapati terdapat kelemahan dalam penguasaan kemahiran bahasa tersebut. Abdul Rashid Jamian (2011) menjelaskan bahawa antara kelemahan pelajar ialah kegagalan mereka memahami kandungan maklumat dalam teks yang dibaca dan kegagalan mereka memahami maksud ayat yang dibaca. Kajian Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) juga mendapati bahawa pelajar masih gagal menguasai kemahiran menulis, khususnya dari aspek kualiti mengarang dan penulisan kreatif.

Dari aspek kaedah pengajaran pula, pelbagai kaedah digunakan oleh guru bagi menyampaikan isi pelajaran. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah KBSM (Edisi Semakan), misalnya menyarankan agar pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik digunakan bagi menggerakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar dapat menarik minat pelajar. Namun, kajian Radiah Yusoff, Eileen Sim Sew Wah, Jafizah Jaafar, dan Tang Tyy Ling (2010) mendapati hampir 80 peratus guru menggunakan kaedah suapan atau 'spoon-feeding method' dalam aktiviti pengajaran bahasa di bilik darjah. Keadaan ini amat membimbangkan kerana kaedah ini boleh menyebabkan proses pembelajaran berlaku secara sehalu dan

membelakangkan kebolehan, dan minat pelajar serta menggalakkan mereka menjadi penerima maklumat yang menerima dan menyalin apa-apa sahaja yang disampaikan oleh guru.

Dari aspek orientasi pengajaran di bilik darjah, kebanyakan guru memberi fokus kepada satu-satu aspek sahaja, sama ada produk dan hasil pembelajaran atau cara dan proses pembelajaran (Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi, 2010). Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa pula misalnya, guru sering memberi penekanan kepada hasil pembelajaran semata-mata dan membelakangkan proses mendapatkan hasil pembelajaran tersebut. Hal ini perlu diberi perhatian kerana proses pembelajaran di bilik darjah bukanlah proses mendapatkan maklumat bagi mengetahui banyak perkara, tetapi juga melibatkan proses perkembangan dan pembangunan diri pelajar secara menyeluruh (Entwistle, 1988).

Amalan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa di bilik darjah juga boleh ditinjau daripada ciri-ciri penguasaan “percakapan” atau “characteristics of talk” oleh guru di bilik darjah. Menurut Cohen, Manion, dan Morrison (2004), pengajaran yang berpusatkan guru melibatkan penguasaan percakapan yang ketara oleh guru berbanding pelajar. Hal ini terjadi kerana pelajar tidak mempunyai keupayaan yang tinggi untuk bertutur dalam masa yang lama, kecuali ada bantuan daripada bahan sokongan seperti audio visual dan sebagainya. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah memberi penekanan yang seimbang antara kadar percakapan pelajar dengan kadar percakapan guru.

## **Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap penguasaan literasi Bahasa Melayu dalam kemahiran menulis dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhinya. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan set soalan ujian. Borang soal selidik disediakan oleh pengkaji sendiri dan disahkan oleh tiga orang panel yang berpengalaman lebih dari 10 tahun. Satu set soal selidik terdiri daripada 44 item. Terdapat dua bahagian pada borang soal selidik iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian demografi yang terdiri daripada maklumat responden. Maklumat responden adalah seperti jantina, bangsa, jenis sekolah dan keputusan peperiksaan kertas penulisan bahasa Melayu tahun 2019. Bahagian B pula terdiri daripada empat bahagian soal selidik iaitu tahap penguasaan, sikap murid, ibu bapa dan guru yang perlu dilengkapkan oleh responden. Skala yang digunakan adalah skala di mana responden perlu memilih sama ada Ya atau Tidak. Sebelum soal selidik dijalankan ke atas responden sebenar, soal selidik tersebut telah diserahkan kepada penyelia terlebih dahulu untuk semakan kemudian diuji ke atas sekumpulan pelajar tahun 4.

Ujian yang dibina berdasarkan sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Set soalan ujian penulisan Bahasa Melayu digubal oleh pengkaji dengan bantuan Ketua Panitia Bahasa Melayu di sekolah yang dikaji. Dalam ujian penulisan tersebut, terdapat 10 bahagian soalan penulisan yang dikemukakan Subjek kajian terdiri daripada murid-murid di dua buah sekolah rendah. Jadual 1 menunjukkan 10 bahagian soalan penulisan yang dijadikan sebagai set soalan ujian.

Jadual 1: *Set soalan ujian penulisan*

Konstruk	Pernyataan
K1	Menulis perkataan yang mengandungi KV
K2	Menulis perkataan yang yang mengandungi KVKV
K3	Menulis perkataan yang mengandungi KVK
K4	Menulis perkataan diftong
K5	Menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding
K6	Menulis perkataan yang mengandungi digraf
K7	Menulis perkataan yang mengandungi konsonan bergabung
K8	Menulis perkataan berpandukan gambar
K9	Menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap
K10	Menulis soalan pemahaman

Seramai 90 orang murid dijadikan responden kajian. Responden kajian merupakan murid-murid tahun 4. Mereka terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang pelbagai kaum. Sekolah yang akan dikaji adalah sebuah sekolah rendah di Ipoh, Perak yang mempunyai empat buah kelas bagi Tahun 4. Sekolah ini dipilih kerana jumlah murid di sekolah ini agak ramai di mana terdapat empat buah kelas yang masing-masing menempatkan 26-30 orang murid sekelas. Pengkaji memilih sebuah sekolah kebangsaan yang bertempat di kawasan bandar. Selain itu, sekolah ini sudah lama didirikan. Maka, sekolah ini mempunyai guru berpengalaman yang boleh membantu jika ada sebarang permasalahan timbul semasa proses kajian dibuat dan sebagainya.

**Dapatan dan Perbincangan**

Analisis data daripada borang soal selidik dilakukan menerusi proses taburan frekuensi iaitu untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Ujian ANOVA sehalu juga digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui perbezaan. Bahagian ini akan membentangkan dapatan data berdasarkan soal selidik dan ujian kemahiran menulis. Perbincangan akan dimulakan dengan analisis demografi responden.

Jadual 2: *Analisis Demografi Responden*

<b>Demografi (n=90)</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	44	48.9
	Perempuan	46	51.1
<b>Bangsa</b>	Melayu	17	18.9
	Cina	21	23.3
	India	42	46.7
	Lain-lain	10	11.1
<b>Jenis Sekolah</b>	SK	30	33.3
	SJKC	30	33.3
	SJKT	30	33.3
<b>Gred (BM)</b>	<b>Penulisan</b> A	21	23.3
	B	25	27.8
	C	27	30.0
	D	10	11.1
	E	7	7.8
<b>Jumlah</b>		<b>90</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan demografi responden. Daripada jumlah responden iaitu 90 orang murid, bilangan murid perempuan mendominasi (46, 51.1%) berbanding bilangan murid lelaki (44, 48.9%).

Aspek kaum pula menunjukkan murid India mendominasi (42, 46.7%), diikuti murid Cina (21, 23.3%), murid Melayu (17, 18.9%) dan paling sedikit jumlahnya ialah murid kaum lain-lain (10, 11.1%). Seterusnya dari jenis sekolah pula, ketiga-tiga sekolah iaitu SK, SJKC dan SJKT menunjukkan bilangan yang sama (30, 33.3%). Bagi gred penulisan murid pula, gred C merupakan paling ramai yang diperolehi oleh murid (27, 30.0%) diikuti gred B (25, 27.8%), gred A (21, 23.3%), gred D (10, 11.1%) dan paling rendah ialah gred E (7, 7.8%).

Jadual 3: Analisis Pencapaian Literasi Menulis Murid Tahun Empat

<b>Pencapaian (n=90)</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Peratus</b>
<b>Menguasai</b>	70 orang	78%
<b>Tidak Menguasai</b>	20 orang	22%
<b>Jumlah</b>	<b>90 orang</b>	<b>100%</b>

Jadual 3 menunjukkan jumlah pencapaian literasi murid tahun empat. Daripada 90 orang responden, bilangan murid yang menguasai literasi menulis adalah lebih tinggi (70 orang, 78%) berbanding yang tidak menguasai iaitu (20 orang, 22%). Dapatan ini berbeza dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan tahap penguasaan murid tahun empat berada pada tahap rendah ( $M = 1.09$ ,  $SP = .287$ ).

Jadual 4: Analisis Pencapaian Murid mengikut Konstruk

<b>Konstruk</b>	<b>Peratus</b>	<b>Penguasaan</b>
<b>K1</b>	91%	Menguasai
<b>K2</b>	88 %	Menguasai
<b>K3</b>	82%	Menguasai
<b>K4</b>	94%	Menguasai
<b>K5</b>	97%	Menguasai
<b>K6</b>	96%	Menguasai
<b>K7</b>	92%	Menguasai
<b>K8</b>	86%	Menguasai
<b>K9</b>	78%	Tidak Menguasai
<b>K10</b>	65%	Tidak Menguasai

Jadual 4 menunjukkan analisis pencapaian murid mengikut konstruk. Konstruk yang paling tinggi dikuasai oleh murid ialah konstruk ke-5 iaitu menulis vokal berganding sebanyak 97%. Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan soal selidik yang menunjukkan konstruk ini menduduki tempat kedua terendah ( $M = 1.07$ ,  $SP = .251$ ). Konstruk kedua tertinggi yang dikuasai oleh murid ialah konstruk ke-6 iaitu menulis perkataan digraf sebanyak 96%. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan konstruk ini menduduki tempat

kedua tinggi ( $M = 1.11$ ,  $SP = .316$ ). Konstruk ketiga tertinggi ialah konstruk ke-4 iaitu menulis perkataan diftong sebanyak 94%. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan konstruk ini menduduki tempat ketiga tinggi ( $M = 1.10$ ,  $SP = .302$ ).

Konstruk ketiga rendah ialah konstruk ke-3 iaitu menulis perkataan KVK sebanyak 82%. Namun begitu, dapatan ini berbeza dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan konstruk ini menduduki tempat paling tinggi ( $M = 1.14$ ,  $SP = .354$ ). Seterusnya konstruk kedua rendah ialah konstruk ke-9 iaitu menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap sebanyak 78%. Dapatan ini berbeza dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan item ini menduduki item ketiga terendah ( $M = 1.09$ ,  $SP = .286$ ). Konstruk terendah ialah konstruk ke-10, iaitu menulis soalan pemahaman.

Sebanyak 65%. Dapatan ini berbeza dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan konstruk ini menduduki item paling tinggi ( $M = 1.14$ ,  $SP = .354$ ). Kesimpulannya, konstruk ke-5, iaitu menulis vokal berganding merupakan konstruk tertinggi yang paling dikuasai oleh murid dalam literasi menulis manakala menulis soalan pemahaman merupakan konstruk paling rendah yang dikuasai oleh murid.

### Analisis Dapatan Soal Selidik

Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab soalan kajian 1 dan 2 dengan mencari kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Jadual 5 menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan bagi analisis statistik deskriptif. Skor min 0.01 hingga 0.70 menunjukkan nilai min pada tahap rendah, skor 0.71 hingga 1.40 adalah nilai min pada tahap sederhana manakala skor nilai min 1.41 hingga 2.00 pada tahap tinggi.

Jadual 5: *Interpretasi skor min*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
<b>0.01 - 0.70</b>	Rendah
<b>0.71 - 1.40</b>	Sederhana
<b>1.41 - 2.00</b>	Tinggi

(Hasnah & Jamaludin, 2017)



**Soalan Kajian 1: Apakah tahap penguasaan kemahiran menulis murid Tahun Empat?**Jadual 6: *Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Murid Tahun Empat*

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak	Min	Sisihan Piawai
1	Saya tahu menulis suku kata KVK dengan betul contohnya 'pam'.	77 (85.6%)	13 (14.4%)	1.14	.354
2	Saya tahu menulis jawapan pemahaman.	77 (85.6%)	13 (14.4%)	1.14	.354
3	Saya tahu menulis perkataan yang mengandungi digraf dengan betul contohnya 'penyapu'.	80 (88.9%)	10 (11.1%)	1.11	.316
4	Saya tahu melengkapkan ayat dengan perkataan berimbuhan dengan betul berpandukan gambar.	81 (90.0%)	9 (10.0%)	1.10	.302
5	Saya tahu menulis perkataan yang mengandungi diftong dengan betul contohnya 'gerai'.	81 (90.0%)	9 (10.0%)	1.10	.302
6	Saya tahu menyusun semula perkataan yang diberi menjadi ayat yang betul.	82 (91.1%)	8 (8.9%)	1.09	.286
7	Saya tahu menulis suku kata KV dengan betul contohnya 'ha'.	84 (93.3%)	6 (6.7%)	1.07	.251
8	Saya tahu menulis perkataan yang mengandungi suku kata KV dengan betul contohnya 'cili'.	84 (93.3%)	6 (6.7%)	1.07	.251
9	Saya tahu menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding dengan betul contohnya 'maaf'.	84 (93.3%)	6 (6.7%)	1.07	.251
10	Saya tahu menulis perkataan yang mengandungi konsonan bergabung dengan betul contohnya 'lambat'.	86 (95.6)	4 (4.4%)	1.04	.207
<b>Purata</b>				<b>1.09</b>	<b>.287</b>

Berdasarkan jadual 6, tahap penguasaan kemahiran menulis murid tahun empat yang paling tinggi ialah item 1 (saya tahu menulis suku kata KVK dengan betul contohnya 'pam') dan item ke-2 (saya tahu menulis jawapan pemahaman) yang masing-masing mencatatkan  $M = 1.14$ ,  $SP = .354$ . Item ini menunjukkan seramai 77 (85.6%) orang responden menjawab 'Ya' manakala seramai 13 (14.4%) orang responden menjawab 'Tidak'.

Item kedua tertinggi ialah item ke-3 (saya tahu menulis perkataan yang mengandungi digraf dengan betul contohnya 'penyapu') yang mencatatkan  $M = 1.11$ ,  $SP = .316$ . Item ini menunjukkan seramai 80 (88.9%) orang responden menjawab 'Ya' manakala 10 (11.1%) orang responden menjawab 'Tidak'. Item ketiga tertinggi ialah item ke-4 (saya tahu melengkapkan ayat dengan perkataan berimbuhan dengan betul berpandukan gambar) dan item ke-5 (saya tahu menulis perkataan yang mengandungi diftong dengan betul contohnya 'gerai') yang masing-masing mencatatkan  $M = 1.10$ ,  $SP = .302$ . Item ini menunjukkan seramai 81 (90%) orang responden menjawab 'Ya' manakala seramai 9 (10.0%) orang responden menjawab 'Tidak'.

Item ketiga rendah ialah item ke-6 (saya tahu menyusun semula perkataan yang diberi menjadi ayat yang betul) dengan mencatatkan  $M = 1.09$ ,  $SP = .286$ . Item ini menunjukkan 82 (91.1%) orang responden menjawab 'Ya' manakala 8 (8.9%) menjawab 'Tidak'.

Item kedua terendah ialah item ke-7 (saya tahu menulis suku kata KV dengan betul contohnya 'ha'), item ke-8 (saya tahu menulis perkataan yang mengandungi suku kata KV dengan betul contohnya 'cili') dan item ke-9 (saya tahu menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding dengan betul contohnya 'maaf') yang masing-masing mencatatkan  $M = 1.07$ ,  $SP = .251$ . Item ini menunjukkan seramai 84 (93.3%) orang responden menjawab 'Ya' manakala seramai 6 (6.7%) orang responden menjawab 'Tidak'. Item paling rendah ialah item ke-10 (saya tahu menulis perkataan yang mengandungi konsonan bergabung dengan betul contohnya 'lambat') yang mencatatkan  $M = 1.04$ ,  $SP = .207$ . Item ini menunjukkan seramai 86 (95.6%) menjawab 'Ya' manakala 4 (4.4%) menjawab 'Tidak'. Secara keseluruhannya, dapatan soal selidik mengenai tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar tahun empat adalah pada tahap sederhana ( $M = 1.09$ ,  $SP = .287$ ).

Jadual 7: *Faktor Sikap Murid Terhadap Kemahiran Menulis BM*

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak	Min	Sisihan Piawai
1	Saya ingin mengembangkan bakat menulis saya contohnya mencipta sajak dan menulis cerpen	44 (48.9%)	46 (51.1%)	1.51	.50 3
2	Belajar kemahiran menulis menyeronokkan	66 (73.3%)	24 (26.7%)	1.27	.44 5
3	Saya suka membuat latihan kemahiran menulis	67 (74.4%)	23 (25.6%)	1.26	.43 9
4	Saya bertanya kepada guru cara membuat ulasan dengan betul	68 (75.6%)	22 (29.9%)	1.24	.43 2
5	Saya bertanya kepada guru cara menulis perkataan dengan betul	70 (77.8%)	20 (22.2%)	1.22	.418
6	Saya bertanya kepada guru cara menulis ayat dengan betul	71 (78.9%)	19 (21.1%)	1.21	.410
7	Saya suka belajar kemahiran menulis	74 (82.2%)	16 (17.8%)	1.18	.38 4
8	Saya bertanya kepada guru cara membuat karangan dengan betul	74 (82.2%)	16 (17.8%)	1.18	.38 4
9	Saya bertanya kepada guru cara menulis frasa dengan betul	80 (88.9%)	10 (11.1%)	1.11	.316
10	Saya bersemangat untuk belajar kemahiran menulis	81 (90.0%)	9 (10.0%)	1.10	.30 2
<b>Purata</b>				<b>1.23</b>	<b>.40 3</b>

Jadual 7 menunjukkan hasil dapatan faktor sikap murid terhadap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu. Berdasarkan jadual di atas, sikap murid dalam mempelajari kemahiran menulis yang paling tinggi ialah item 1 (Saya ingin mengembangkan bakat menulis saya contohnya mencipta sajak dan menulis cerpen) ( $M= 1.51, SP= .503$ ). Item ini menunjukkan 44 (48.9%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 46 (51.1%) orang responden menyatakan 'Tidak'.

Item ke-2 (Belajar kemahiran menulis menyeronokkan) merupakan item kedua tertinggi ( $M= 1.27, SP= .445$ ). Seramai 66 (73.3%) orang responden menyatakan 'Ya' terhadap item ini manakala 24 (26.7%) orang responden menyatakan 'Tidak'. Seterusnya, item ke-3 (Saya suka membuat latihan kemahiran menulis) merupakan item kedua tinggi ( $M= 1.26, SP= .439$ ). Seramai 67 (74.4%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 23 (25.6 %) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini.

Bagi item terendah, item ke-8 (Saya bertanya kepada guru cara membuat karangan dengan betul) menunjukkan item ketiga rendah ( $M=1.18, SP=.384$ ). Seramai 74 (82.2%) orang responden menyatakan 'Ya' terhadap item ini manakala 16 (17.8%) orang responden menyatakan 'Tidak'. Item kedua rendah ialah item ke-9 (Saya bertanya kepada guru cara menulis frasa dengan betul) yang mencatatkan nilai  $M=1.11, SP=.316$ . Seramai 80 (88.9 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 10 (11.1%) orang responden menyatakan 'Tidak'. Item paling rendah ialah item ke-10 (Saya bersemangat untuk belajar kemahiran menulis) ( $M=1.10, SP=.302$ ). Seramai 81(90.0%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 9 (10.0%) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini. Kesimpulannya, faktor sikap murid terhadap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu berada di tahap sederhana ( $M=1.23, SP=.403$ ).

Jadual 8: Faktor ibu bapa Terhadap Penguasaan Kemahiran Menulis BM

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak	Min	Sisihan Piawai
1	Ibu bapa menghantar saya ke kelas tambahan menulis Bahasa Melayu	46 (51.1%)	44 (48.9%)	1.49	.503
2	Ibu bapa saya sering bertutur menggunakan Bahasa Melayu	58 (64.4%)	32 (35.6%)	1.36	.481
3	Ibu bapa menyuruh saya membuat latihan menulis	63 (70%)	27 (30%)	1.30	.461
4	Ibu bapa saya sentiasa membeli buku latihan menulis	65 (72.2%)	25 (27.8%)	1.28	.450
5	Ibu bapa menyemak latihan menulis saya	66 (73.3%)	24 (26.7%)	1.27	.445
6	Ibu bapa memperbetulkan kesalahan menulis saya	80 (77.8%)	20 (22.2%)	1.22	.418
7	Ibu bapa menyuruh saya merujuk guru sekiranya saya mempunyai masalah dalam penulisan Bahasa Melayu	71 (78.9%)	19 (21.1%)	1.21	.410
5	Ibu bapa mengajar saya membuat latihan menulis	72 (80%)	18 (20%)	1.20	.402
8	Ibu bapa memberitahu sebab-sebab kesalahan menulis yang saya lakukan	73 (81.1%)	17 (18.9%)	1.19	.394
10	Ibu bapa sentiasa menyuruh saya menulis dengan kemas dan betul	87 (93.3%)	3 (6.79%)	1.07	.251
<b>Purata</b>				<b>1.2</b>	<b>.421</b>
				<b>6</b>	

Berdasarkan jadual 8, sikap ibu bapa terhadap penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid yang paling tinggi ialah item 1 (Ibu bapa menghantar saya ke kelas tambahan menulis Bahasa Melayu) ( $M= 1.49$ ,  $SP= .503$ ). Item ini menunjukkan 46 (51.1%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 44 (48.9%) orang responden menyatakan 'Tidak'.

Item ke-2 (Ibu bapa saya sering bertutur menggunakan Bahasa Melayu) merupakan item kedua tinggi ( $M= 1.36$ ,  $SP= .481$ ). Seramai 58 (64.4%) orang responden menyatakan 'Ya' terhadap item ini manakala 32 (35.6 %) orang responden menyatakan 'Tidak'. Seterusnya, item ketiga tinggi skor min ialah item no 3 (Ibu bapa menyuruh saya membuat latihan menulis) ( $M= 1.30$ ,  $SP= .461$ ). Seramai 63 (70%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 27 (30 %) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini.

Bagi item rendah, item ke-8 (Ibu bapa mengajar saya membuat latihan menulis) menunjukkan item ketiga rendah ( $M=1.20$ ,  $SP=.402$ ). Seramai 72 (80%) orang responden

menyatakan 'Ya' manakala 18 (20%) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini. Item kedua rendah ialah item ke-9 (Ibu bapa memberitahu sebab-sebab kesalahan menulis yang saya lakukan) yang mencatatkan nilai  $M=1.19$ ,  $SP=.394$ . Seramai 73 (81.1 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 17 (18.9 %) orang responden menyatakan 'Tidak'.

Item paling rendah ialah item ke-10 (Ibu bapa sentiasa menyuruh saya menulis dengan kemas dan betul) ( $M=1.07$ ,  $SP=.251$ ). Seramai 87 (93.3 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 3 (6.7 %) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini. Kesimpulannya, faktor ibu bapa terhadap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu murid berada di tahap sederhana ( $M = 1.26$ ,  $SP = .421$ ).

Jadual 9: *Faktor Guru Terhadap Penguasaan Kemahiran Menulis BM*

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sering tidak dapat menyiapkan kerja di dalam kelas kerana masa tidak mencukupi	50 (55.6%)	40 (44.4%)	1.44	.500
2	Guru selalu memberi latihan kerja rumah	65 (72.2%)	25 (27.8%)	1.28	.450
3	Guru menggunakan bahan multimedia yang menarik contohnya computer dan telefon	71 (78.9%)	19 (21.1%)	1.21	.410
4	Dalam pengajaran kemahiran menulis, banyak aktiviti yang digunakan oleh guru semasa mengajar	74 (82.2%)	16 (17.8%)	1.18	.384
5	Guru mengajar kemahiran menulis dari senang ke susah	75 (83.3%)	15 (16.7%)	1.17	1.17
6	Maklumat penulisan yang diberikan oleh guru mudah difahami	76 (84.4%)	14 (15.6%)	1.16	.364
7	Saya suka cara guru mengajar kemahiran menulis	78 (86.7%)	12 (13.3%)	1.13	.342
8	Guru saya sering menggunakan buku teks dalam pengajaran	81 (90%)	9 (10.0%)	1.10	.302
9	Saya menyukai guru BM	80 (88.9%)	10 (11.1%)	1.11	.316
10	Guru mengajar cara menggunakan ejaan dengan betul seperti huruf besar dan huruf kecil	82 (91.1%)	8 (8.9%)	1.09	.286
<b>Purata</b>				<b>1.19</b>	<b>.719</b>

Berdasarkan jadual 9, faktor guru terhadap penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid yang paling tinggi ialah item 1 (Saya sering tidak dapat menyiapkan kerja di dalam kelas kerana masa tidak mencukupi) ( $M = 1.44$ ,  $SP = .500$ ). Item ini menunjukkan 50 (55.6 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 40 (44.4 %) orang responden menyatakan 'Tidak'.

Item 2 (Guru selalu memberi latihan kerja rumah) merupakan item kedua tertinggi ( $M=1.28$ ,  $SP=.450$ ). Seramai 65 (72.2 %) orang responden menyatakan 'Ya' terhadap item ini manakala 25 (27.8 %) orang responden menyatakan 'Tidak'. Seterusnya, item ke-3 (Guru menggunakan bahan multimedia yang menarik contohnya komputer dan telefon) mencatatkan skor min ketiga tinggi ( $M=1.21$ ,  $SP=.450$ ). Seramai 71 (78.9 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 19 (21.1 %) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini.

Bagi item rendah, item ke-8 (Guru saya sering menggunakan buku teks dalam pengajaran) menunjukkan item ketiga rendah ( $M=1.10$ ,  $SP=.302$ ). Seramai 81 (90%) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 9 (10.0%) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini. Item kedua rendah ialah item ke-9 (Saya menyukai guru BM) ( $M=1.11$ ,  $SP=.316$ ). Seramai 80 (88.9 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 10 (11.1 %) orang responden menyatakan 'Tidak'.

Item paling rendah ialah item no. 10 (Guru mengajar cara menggunakan ejaan dengan betul seperti huruf besar dan huruf kecil) ( $M=1.09$ ,  $SP=.286$ ). Seramai 82 (91.1 %) orang responden menyatakan 'Ya' manakala 8 (8.9 %) orang responden menyatakan 'Tidak' terhadap item ini. Kesimpulannya, faktor guru terhadap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu murid berada di tahap sederhana ( $M=1.19$ ,  $SP=.719$ )

Jadual 10: Perbezaan antara tahap pencapaian literasi dengan jenis sekolah

Pemboleh Ubah Pencapaian Literasi	Tahap	n	Min / SP	Punca Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
SK		30	1.03 / .82	Antara Kump.	.200	2	100	4.19	.018
SJKC		30	1.13 / 1.77	Dalam Kump.	2.076	87	24		
SJKT		30	1.13 / .18						
<b>Jumlah</b>						<b>2.276</b>	<b>89</b>		

$p < 0.05$

Daripada jadual 10, didapati tahap pencapaian literasi SJKT memperoleh skor min tertinggi ( $M=1.13$ ,  $SP=.18$ ) diikuti oleh tahap pencapaian literasi SJKC ( $M=1.13$ ,  $SP=1.77$ ) dan yang terendah ialah tahap pencapaian literasi SK ( $M=1.03$ ,  $SP=.82$ ). Data yang diperoleh menunjukkan  $F(2, 87) = 4.19$ ,  $p = .018$ ). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian literasi dengan jenis sekolah dengan nilai  $p < 0.05$ . Oleh itu, hipotesis nul kajian ini ditolak.

Dapatan kajian menunjukkan murid tahun empat menguasai kemahiran literasi menulis berdasarkan ujian yang diberikan. Konstruk yang paling dikuasai oleh murid tahun empat ialah literasi menulis vokal bergabung. Namun begitu, soal selidik mengenai tahap penguasaan literasi murid menunjukkan berada pada tahap rendah. Soal selidik berkaitan dengan faktor sikap murid, ibu bapa dan guru juga turut berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pencapaian literasi murid dengan jenis sekolah.



## Cadangan

Menerusi dapatan dalam kajian ini, beberapa langkah berkaitan dengan kajian ini harus diadakan dalam kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu terhadap penulisan dan pengaruh tahap literasi bahasa Melayu dalam kemahiran menulis. Antaranya:

- a) Persediaan rapi oleh guru sebelum mengajar mata pelajaran bahasa Melayu yang akan dapat membantu murid dalam menyediakan diri dengan informasi yang banyak. Cara seorang guru menulis dan menjalankan sesuatu aktiviti PdP juga dititikberatkan. Jika seorang guru menyediakan rancangan pelajarannya dengan baik serta mengaplikasikannya sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pelajar-pelajar akan belajar dengan baik.
- b) Bahan bantu mengajar yang kreatif dan bersesuaian harus digunakan oleh seorang guru untuk menarik perhatian dan juga minat membaca dan juga minat dalam kemahiran menulis bagi murid-murid literasi ini. Bahan bantu mengajar tidak perlu canggih tetapi haruslah sesuai dengan kesesuaian dan kemahiran murid-murid tersebut.
- c) Aktiviti-aktiviti juga haruslah dirancang dengan tahap penguasaan murid bagi memudahkan dan melancarkan waktu pengajaran dan pembelajaran. Bukan setakat itu sahaja, aktiviti yang mudah yang dapat menarik minat belajar untuk cara menulis juga haruslah dilakukan oleh guru untuk menarik minat murid dalam kemahiran menulis.
- d) Kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional haruslah dimansuhkan sebaliknya kaedah pembelajaran abad ke-21 haruslah diperkenalkan serta diamalkan bagi memperolehi hasil kajian yang lebih mantap. Melalui pembelajaran abad ke-21, guru haruslah menjadi pemudahcara dan harus memberi lebih peluang kepada murid-murid untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- e) Peranan ibu bapa sangat penting dalam hal ini. Ibu bapa juga harus mengambil bahagian dalam hal mata pelajaran murid-murid. Mereka juga boleh menjadi pembimbing rakan sebaya yang baik dengan komunikasi dengan anaknya terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Kita tidak dapat menafikan bahawa ibu bapa sibuk dengan hal rumah tangga, namun mereka juga harus mengambil tahu tentang pendidikan anak-anak mereka. Komunikasi yang baik akan melahirkan idea yang baik dalam diri seorang murid. Melalui idea-idea ini, seseorang murid dapat menulis dan menyampaikan ideanya dalam kemahiran menulis.
- f) Peranan guru pemulihan juga sangat penting dalam hal ini. Walaupun kerajaan telah memansuhkan program LINUS, namun peranan guru pemulihan sangat diperlukan di sekolah untuk membantu murid-murid literasi yang masih tidak menguasai kemahiran-kemahiran yang asal khususnya kemahiran menulis.



## **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji berpendapat bahawa seharusnya kemahiran literasi seseorang itu harus dipupuk sejak kecil lagi. Kanak-kanak harus didedahkan dengan literasi sebelum memasuki alam persekolahan lagi bagi mengelakkan mereka mengalami masalah ketika di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini memberi informasi baru dan akan memberi impak yang berguna kepada pelbagai pihak sekiranya dikendalikan dengan baik.

Walaupun guru dan juga ibu bapa merupakan faktor sokongan sampingan untuk meningkatkan prestasi anak-anak tersebut namun murid tersebut harus menyedari kepentingan kemahiran menulis yang asas dan juga kemahiran menulis mengikut tahap pembelajarannya. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga haruslah membuat kajian liputan sebelum membuat keputusan untuk memansuhkan program LINUS. KPM juga harus memikirkan cara terbaik untuk membantu murid-murid tahun 4 supaya tidak berlaku keciciran di sekolah dan subjek yang dipelajari khususnya kemahiran menulis.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 1-12.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(2), 49-63.
- Ambigapahthy Pandian, Murshidi Harun & Tan Hock Thye. (2013). *Berliterasi dalam pelbagai konteks: Cabaran dan pendekatan pusat pengajian bahasa, literasi dan terjemahan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ambigapathy Pandian. (1999). *Literasi dalam pendidikan: Perubahan dan cabaran pusat pembangunan dan pendidikan komuniti*. Petaling Jaya: CEDC Sdn. Bhd.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *LINUS 2.0: Literasi bahasa Inggeris (LBI)*. Book 3. Petaling Jaya, Selangor: Saryaz Holdings Sdn. Bhd.
- Clay, M. M. (1967). The reading behavior of five-year-old children. A research reports. *New Zealand Journal of Educational Studies*. 2, 11-31.
- Che Zanariah & Fadzilah. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 67-87.
- Chew Fong Peng. (2012). Literacy among the secondary schools' students in Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 2(6).
- Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 7(1), 56-65.
- Hj. Daud Md. Saman & Muha'yuddin Mohamed Azizi. (2011). *Literasi bahasa: Khusus untuk institusi pendidikan guru, prasekolah dan kelas pemulihan*. Shah Alam: Pekan Ilmu.
- Juriah Long. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012-2015). Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Bahagian Pendidikan Guru.
- Lai Chee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng. (2017). Amalan pengajaran guru bahasa Melayu tingkatan empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.

- Mahzan Arshad. (2016). *Prinsip dan amalan dalam pengajaran literasi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Model LINUS. (2010). Ministry of Education, Malaysia.
- Model LINUS. (2013). Ministry of Education, Malaysia.
- Rohaida Mazlan & Zamri Mahmood. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru bahasa Melayu melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(2), 173-182
- Suppiah Nachiappan. (2017). Bahasa Malaysia dalam KSSR: Peningkatan kognisi dalam lisan, bacaan, penulisan dan penaakulan. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir. (2011). *Pengajaran kemahiran bahasa Melayu*. PuchongL Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Theodoulou, S.Z. & Cahn, M. (1995). *Public Policy: The Essential Reading*. Upper Saddle River. Prentice Hall.
- Zainiah. (2011). Peranan ibu bapa dalam memastikan pencapaian literasi kanak-kanak prasekolah semasa berada di rumah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkifli, Jamilah & Aminah. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2), 31-40.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahim, Mohamed Amin Embi Jamaludin Badusah & Sharala A/P Subramaniam. (2014). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 75 - 81.